

18 MAY 1996

Aids-Statistik

LEBIH BANYAK DAPAT HIV MELALUI SEKS DARIPADA KONGSI JARUM

KUALA LUMPUR, May 18 (Bernama) -- Lebih banyak orang di negara ini berkemungkinan mendapat virus HIV melalui hubungan seks yang tidak selamat berbanding dengan cara perkongsian jarum, kata Presiden Majlis Aids Malaysia, Marina Mahathir.

"Lebih banyak orang yang mengadakan hubungan seks daripada menagih dadah," kata Marina.

Orang ramai harus keluar daripada tanggapan yang salah terhadap statistik mengenai Aids dan apa yang ditunjukkan olehnya tentang sebaran virus dan sindrom itu, katanya kepada pemberita selepas memberi ceramah kepada sekumpulan pelajar sekolah mengenai HIV dan Aids di Perpustakaan Negara di sini hari ini.

Statistik Kementerian Kesihatan menunjukkan 77 peratus daripada 15,731 yang dijangkiti HIV sehingga 31 Mac tahun ini adalah penagih dadah.

Marina berkata membuat kesimpulan bahawa lebih banyak yang mendapat Aids daripada perkongsian jarum berbanding dengan cara lain berdasarkan kepada statistik itu semata-mata adalah tidak tepat.

Tambahan pula, tidak ada statistik mengenai penagih dadah yang turut terbabit dalam hubungan seks yang tidak sihat, katanya.

Beliau berkata penagih dadah merupakan sebahagian besar daripada statistik kerana mereka yang ditangkap oleh pihak berkuasa diwajibkan menjalani ujian HIV.

"Ia seolah-olah `memancing di dalam kolam yang mempunyai sindrom yang sama', sebagai contoh, jika anda mewajibkan ujian HIV terhadap pengurus bank, hasilnya akan lebih ramai pengurus bank termasuk dalam statistik HIV berbanding kerjaya lain," kata Marina.

Marina berkata usaha yang lebih banyak perlu dibuat untuk memberi pendidikan terutamanya kepada golongan wanita kerana virus itu empat kali lebih mudah untuk dipindahkan kepada mereka daripada lelaki berbanding sebaliknya.

Beliau berkata terdapat banyak kes wanita yang mendapat virus itu daripada suami mereka dan seterusnya disebarkan pula kepada bayi di dalam kandungan.

Oleh itu, beliau menegaskan orang ramai perlu lebih sensitif dengan fakta ini dan tidak membuat kesimpulan bahawa orang yang berkelakuan tidak baik sahaja akan mendapat Aids. -- BERNAMA

NI NJ NMO